



10 SEP, 2024

Aktif waktu puncak elak kegiatan haram dikesan

Harian Metro, Malaysia



Bentong: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang merampas rokok seludup pelbagai jenama membabitkan nilai cukai dan duti RM1.5 juta di Taman Perindustrian Tanjung Minyak Perdana, Melaka Tengah, Melaka pada 27 Ogos lalu.

Pengarah JKDM Pahang, Mohd Asri Seman berkata, rampasan dilakukan Kastam Cawangan Bentong susulan serbuan ke atas sebuah bangunan kedai.

“Hasil pemeriksaan menemukan rokok pelbagai jenis dan jenama yang ti-

JKDM PAHANG RAMPAS ROKOK SELUDUP RM1.5J
Aktif waktu puncak elak kegiatan haram dikesan

dak berkastam dan sebuah lori bermuatan rokok yang tidak memenuhi kriteria berdasarkan Butiran Satu dan Butiran Dua Jadual ketiga, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023.

“Rokok tersebut dipercayai dari negara jiran dan sebuah negara Arab berjumlah 1,812,000 batang

dengan anggaran bernilai RM157,440 membabitkan jumlah duti dan cukai anggaran jumlah RM1.5 juta termasuk nilai lori,” katanya dalam sidang media di Cawangan Penguatkuasaan Kastam di sini, semalam.

Asri berkata, sindiket dipercayai tersebut menggunakan bangunan kedai un-

tuk menyimpan barang tidak berkastam dan menggunakan lori tersebut untuk bergerak aktif pada waktu puncak untuk mengaburi pihak berkuasa.

“Pihak berkuasa sedang menyiasat bangunan di Melaka dan lori yang dirampas itu beralamat di Batu Caves, Selangor,” katanya.



MOHD Asri (kanan) menunjukkan rokok yang dirampas.



10 SEP, 2024

Aktif waktu puncak elak kegiatan haram dikesan

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Bentong: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang merampas rokok seludup pelbagai jenama membabitkan nilai cukai dan duti RM1.5 juta di Taman Perindustrian Tanjung Minyak Perdana, Melaka Tengah, Melaka pada 27 Ogos lalu. Pengarah JKDM Pahang, Mohd Asri Seman berkata, rampasan dilakukan Kastam Cawangan Bentong susulan serbuan ke atas sebuah bangunan ke d a i .